

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

Bahasa Melayu

Kertas 1 [Tingkatan 5]

Peraturan Pemarkahan

Ogos 2017

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan Hak Cipta **GCJM** sahaja. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 - 30 (28 - 30) (26 - 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tugas bahan rangsangan. • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. • Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik.
KEPUJIAN	20 - 25 (23 - 25) (20 - 22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tugas bahan rangsangan. • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. • Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.
MEMUASKAN	15 - 19 (17 - 19) (15 - 16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tugas bahan rangsangan. • Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan • Huraian idea masih jelas . • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi.
KURANG MEMUASKAN	10 - 14	<ul style="list-style-type: none"> ● Karangan masih/kurang menepati tugas bahan rangsangan. ● Idea masih/kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan. ● Huraikan idea kurang masih jelas . ● Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara
	(12 - 14)	<ul style="list-style-type: none"> ● Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad
	(10 - 11)	<ul style="list-style-type: none"> ● Wacana kurang lengkap. ● Unsur bahasa kurang bervariasi.
PENCAPAIAN UMUM	01 - 09	
	06 - 09	<ul style="list-style-type: none"> ● Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ● Idea tidak menepati tugas bahan rangsangan. ● Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.
	01- 05	

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[100 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang - periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

— — = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan • kata (morfologi) • ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) • Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 - 100 (90 - 100) (80 - 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang luas dan tepat. • Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat • <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai • <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan <u>unsur bahasa bervariasi</u> • <u>Gaya bahasa</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	66 - 79 (73 - 79) (66 - 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang tepat. • Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul • <u>Laras bahasa</u> sesuai dengan tugas. • Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat • <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. • <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> masih bervariasi. <u>Gaya bahasa</u> masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti

peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

- *Ungkapan Menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65 (58 - 65) (51 - 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> sesuai. • Penggunaan <u>ayat majmuk</u> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> masih betul. • <u>Laras bahasa</u> sesuai mengikut tugas. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • <u>Pengolahan</u> masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. • <u>Wacana</u> masih lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> masih bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
MEMUASKAN	36 - 50 (43 - 50) (36 - 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> terhad. • Ayat kurang gramatis. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Laras bahasa</u> kurang sesuai. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum dan terhad. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • <u>Pengolahan</u> kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. • <u>Wacana</u> masih / kurang lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> kurang bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
KURANG MEMUASKAN	21 - 35 (28 - 35)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat. • Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami. • Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara.

	(21 - 27)	<ul style="list-style-type: none"> • <u>Idea</u> masih relevan / <u>idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 - 20 (11 - 20) (01 - 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata</u> dan <u>ayat</u> yang tidak gramatis. • Kesalahan <u>ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> yang ketara. • <u>Idea</u> bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

Cara menulis

Keseluruhan - Peringkat markah	Contoh	K	-	75
- Ejaan - Maksimum 3 markah		- E	-	03
- Format - Maksimum 2 markah		- F	-	02
			—	
Jumlah -Markah bersih		J	-	70

SOALAN 1

Huraikan pendapat anda tentang prakarsa memajukan industri pelancongan.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan kehendak soalan

1. Calon perlu menghuraikan tentang prakarsa/tindakan/usaha/cara/pendekatan memajukan industri pelancongan.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.
 - ✓ Memperlengkap kemudahan pengangkutan
 - ✓ Menyediakan kemudahan penginapan
 - ✓ Menyediakan kemudahan maklumat
3. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat kepujian sahaja.
4. Sekiranya calon mengambil satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi yang lain, **layak** diberikan cemerlang.

Komen pemeriksa

T = tugas

I = Idea

B = Bahasa

P = Pengolongan

Karangan Respons Bebas

1. **Semangat patriotik** dalam kalangan remaja semakin luntur.

Pada pendapat anda, apakah **usaha-usaha** yang perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan remaja.

Isu - Semangat patriotik

Tugasan - Langkah-langkah

Format - Tidak berformat

Cadangan Isi:

- ❖ meneruskan program bulan penghayatan patriotisme
- ❖ pihak media terutamanya media elektronik seharusnya menyiarkan program yang mempunyai unsur patriotisme
- ❖ kerajaan mengadakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mesti disokong oleh semua pihak
- ❖ menanamkan semangat patriotik atau semangat cinta akan negara dalam diri mereka ini sejak bangku sekolah
- ❖ Badan Bukan Kerajaan (NGO) menganjurkan pelbagai kempen

2. Semangat kejiiran semakin hari semakin luntur dalam kalangan masyarakat akibat kesibukan hidup, pembinaan kawasan perumahan baharu di kawasan bandar dan perkembangan teknologi maklumat.

Huraikan peranan ibu bapa untuk memastikan anak-anak dapat mengamalkan semangat kejiiran dalam situasi tersebut.

Isu : Semangat kejiiran

Tugasan : Peranan ibu bapa

Format - Tidak berformat

Cadangan Isi:

- ❖ Ibu bapa harus menjadi suri teladan kepada anak-anak
- ❖ Ibu bapa harus membawa anak-anak menziarahi jiran tetangga
- ❖ Ibu bapa menggalakkan anak-anak bermain dengan jiran tetangga
- ❖ Ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti gotong-royong
- ❖ Ibu bapa mengadakan rumah terbuka semasa menyambut perayaan

3. Aktiviti manusia telah menyebabkan bekalan air berlaku di beberapa tempat di negara kita sehingga mendatangkan pelbagai kesusahan kepada banyak pihak. Berikan komen anda.

Isu - Bekalan air

Tugasan - Aktiviti manusia mendatangkan kesusahan

Format - Tidak berformat

Cadangan Isi:

- ❖ Aktiviti manusia yang membuang sampah sarap sesuka hati ke dalam sungai
- ❖ Aktiviti manusia yang rakus meneroka hutan di kawasan tanah tinggi
- ❖ Aktiviti perniagaan dan perindustrian
- ❖ Aktiviti penghijarahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar

4. Walaupun Hari Bumi diistiharkan dan disambut pada 22 April setiap tahun, kemusnahan bumi dilihat menjadi masalah utama bagi negara-negara di dunia. Jelaskan bentuk-bentuk sumbangan yang dapat diberikan oleh semua negara di dunia untuk menyelamatkan bumi.

Isu - Kemusnahan bumi

Tugasan - bentuk sumbangan untuk menyelamatkan bumi daripada terus musnah

Format - tidak berformat

Cadangan Isi:

- ❖ mengelakkan pembakaran terbuka
- ❖ mewujudkan pembangunan yang terancang dengan memperluas konsep bandar dalam taman
- ❖ meminimumkan pencemaran dengan mengurangkan jumlah berenjin dan kilang
- ❖ pembalakan dan penghutan semula dilaksanakan seiring
- ❖ melestarikan alam sekitar melalui penguatkuasaan program kesedaran, dan pendidikan kepada seluruh masyarakat dunia.

5. Peribahasa 'Mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan' merujuk keadaan seseorang yang terpaksa menanggung kerugian akibat terburu-buru mengambil sesuatu keputusan.
Bincangkan kerelevanan maksud peribahasa tersebut dengan situasi kehidupan seharian masyarakat di negara kita.

Isu - peribahasa 'Mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

Tugasan - Kerelevanan peribahasa dengan situasi kehidupan masyarakat

Format - Tidak berformat

Cadangan Isi:

- ❖ keinginan untuk menjadi kaya atau berjaya dengan cepat
- ❖ sikap boros berbelanja
- ❖ mengharap untuk hidup senang selepas menjual sesuatu harta
- ❖ mengaitkan situasi ini dengan cerita Lebai Malang
- ❖ pengajaran yang diperoleh - perlu berfikir dengan sedalam-dalamnya sebelum bertindak dan mementingkan sikap rasional dalam setiap perkara yang dilakukan - tidak bersikap tamak kerana orang tamak selalu rugi

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2017

Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos 2017
Tingkatan 5

1103/2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta, GCJM**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

Isi - 20 markah

Bahasa - 10 markah

Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- ✓ nama khas
- ✓ perkataan berganda
- ✓ penggunaan Kata sendi *di* dan *ke*
- ✓ tarikh
- ✓ angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- ✓ Gelaran

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Beri markah agi setiap isi yang tepat dan lengkap

Soalan 1- Rumusan

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1	Petikan membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah/strategi-strategi untuk menguruskan kewangan dalam kalangan generasi muda/Masyarakat Malaysia	2
P2	Petikan membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah/strategi-strategi untuk menguruskan kewangan dan generasi muda gagal menguruskan kewangan atas pelbagai faktor.	2
P3	Rumusan membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah/strategi-strategi untuk menguruskan kewangan dan peranan pelbagai pihak mendidik masyarakat supaya berbelanja secara berhemat.	2
P4	Petikan/Rumusan membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah/strategi-strategi untuk menguruskan kewangan di Malaysia	1

Isi Tersurat - [4 hingga 12 markah] (Cara-cara menguruskan kewangan)		
S1	Tidak membazir ketika berbelanja	2
S2	Menyediakan senarai perbelanjaan	2
S3	sikap pengguna yang sering menggunakan air secara berlebihan	2
S4	Memperuntukkan (<i>sebahagian daripada</i>) pendapatan bulanan untuk membayar balik wang pinjaman	2
S5	Memilih pakej perkahwinan mengikut kemampuan masing-masing	2
S6	Memastikan kadar sewaan rumah tidak melebihi 30 peratus pendapatan bulan/isi rumah	2
S7	Perancangan awal untuk menguruskan kewangan bagi tujuan melancong	2
S8	Janganlah mengikut nafsu ketika berbelanja	2
S9	Perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit perlu dikawal	2
Isi Tersirat: Peranan pelbagai pihak mendidik masyarakat supaya berbelanja secara berhemat		
T1	Peranan pihak sekolah -menubuhkan Persatuan Pengguna/menerapkan nilai jimat cermat dalam pengajaran dan pembelajaran	2
T2	Peranan pihak kerajaan -mengadakan kempen kesedaran/menubuhkan kementerian yang khusus(KPDNKK/Agensi Kaunseligdan Pengurusan Kredit)	2
T3	Peranan pihak swasta -Institusi kewanga/bank-bank mengenakan kadar faedah pinjaman yang rendah.	2
T4	Peranan media massa menyiarkan iklan/mengadakan kempen kesedaran/menerbitkan artikel/rencana/risalah	2
T5	Peranan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO)/Persatuan Pengguna menyampaikan maklumat tentang hak-hak pengguna kepada masyarakat	2
T6	Peranan ahli keluarga/Ibu bapa mendidik anak-anak berjimat/berhemat dalam berbelanja/membeli barangan penting dan keperluan sahaja.	2
Kesimpulan [2 markah]		
K1	Kesimpulannya, pelbagai pihak/generasi muda/semua lapisan masyarakat perlulah berbelanja dengan cara berhemat agar kehidupan mereka sejahtera/tidak dibebani hutang.	2
K2	Kesimpulannya, pelbagai pihak/generasi muda/semua lapisan masyarakat perlulah berbelanja dengan cara berhemat	1

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Kriteria
Baik	18-20 15-17	9-10 7 -9	Kesinambungan isi baik Struktur ayat/tatabahasa baik Kosa kata luas Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4- 6	Kesinambungan isi masih baik Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan Kosa kata masih memuaskan Tanda baca/ejaan jua memuaskan
Lemah	1 -7	1- 4	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota:

- Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah bahasa maksimum:10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2(b): 9 markah

Soalan 2(c) :9 markah

Soalan 2(d): 9 markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

- ✓ Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri
- ✓ Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna
- ✓ Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah	
DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah	
DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1

3. Soalan 4 markah	
DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) - Petikan umum:		
(i)	Maksud rangkai kata <i>mengeratkan hubungan</i> :	
	-merapatkan/mengukuhkan/meneguhkan ikatan/kaitan/pertalian	2
	-merapatkan/mengukuhkan/meneguhkan hubungan	1
	-mengeratkan ikatan/kaitan/pertalian	1
(ii)	Faktor-faktor- 2 isi cukup	
P1	generasi muda lebih mementingkan gaya hidup tanpa memikirkan kesannya terhadap kemampuan kewangan mereka	1
P2	amalan suka memiliki telefon pintar/alat berteknologi tercanggih di pasaran	1
P3	bertukar-tukar model terbaharu	1
P4	generasi muda gemar membeli barangan berjenama yang mahal harganya	1
(iii)	Cara-cara memastikan aktiviti melancong bersama keluarga yang tidak membebankan kewangan -3 isi cukup	
P1	memilih pakej pelancongan yang berpatutan -peka dengan promosi yang ditawarkan	1
P2	melancong di dalam negara - lebih murah	1
P3	melancong secara berkumpulan - harga lebih rendah jika melancong beramai-ramai berbandng dengan kumpulan kecil	1
P4	mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu - membawa bekalan makanan/tinggal di inap desa(homestay)/pengangkutan sendiri/hotel budget	1
P5	bayaran secara beransur-ansur - tidak melibatkan bayaran yang banyak secara serentak/ sekali gus	1

Soalan 2(b) -		
(i)	Kuasa yang ada pada rakyat terhadap sistem yang dicipta oleh manusia:	
-	Sistem disahkan oleh rakyat	1
-	Rakyat yang menentukan sistem	1
-	Rakyat yang merestui sistem	1
-	Rakyat yang membenarkan sistem	1
(ii)	Kepentingan sejarah dalam kehidupan masyarakat - 2 isi cukup	
P1	Meningkatkan ilmu pengetahuan	1
P2	Pendidikan etika dan moral	1
P3	Memberikan pengajaran / kesedaran	1
P4	Panduan menerajui negara	1
(iii)	Pengajaran daripada petikan	
-	Kita hendaklah bijak menyuarakan hujah agar dapat meyakinkan orang lain - Azmir bijak menjelaskan konsep sistem yang dicipta oleh rakyat dengan memberikan bukti-bukti sejarah bagi meyakinkan Pelakon I dan II.	1+1
	Pengajaran daripada keseluruhan drama:	
-	Kita hendaklah tabah dalam menghadapi dugaan - Azmir tetap tabah menghadapi penyakit barah otak tanpa diketahui oleh orang lain termasuklah doktor dan keluarganya.	1+1
-	Kita hendaklah menghargai sumbangan orang lain - Azmir amat menghargai sumbangan golongan petani, nelayan, dan buruh yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup	1+1

Soalan 2(c) - Prosa Tradisional		
(i)	Berikan maksud <i>hendak mencerca..</i>	
	- mahu mencaci/menghina/memaki	2m
(ii)	Reaksi Tun Perak - 2 isi cukup	
P1	segera menghadap baginda	1m
P2	berdiam diri ketika pertama kali ditanya	1m
P3	memberitahu perkara sebenar	1m
(iii)	Tanggungjawab rakyat terhadap raja dan negara- 2 isi cukup	
P1	berusaha memajukan negara	1m
P2	sentiasa mendaulatkan negara	1m
P3	menjaga keamanan negara	1m
P4	mengkekalkan perpaduan antara kaum	1m

Soalan 2(d) - Puisi Tradisional		
(i)	Dua ciri seni ukiran:	
	P1- Corak hiasan dinding istana bermotifkan tumbuh-tumbuhan berbunga	1
	P2- Unsur semula jadi	1
	P3- Seni ukiran bermotifkan haiwan seperti ular, layang-layang, dan sebuku garam	1
(ii)	Kepentingan mengekalkan bangunan bersejarah - 2 isi cukup	
P1	Boleh dijadikan sebagai daya tarikan pelancong ke negara ini	1
P2	Sebagai khazana negara untuk tatapan generasi akan datang	1
P3	Sebagai bukti seni binaan yang boleh dipelajari oleh generasi kini untuk meningkatkan ilmu dalam seni binaan dan sejarah	1
P4	Sebagai mercu tanda pada sesebuah negeri seperti A-Famosa di Negeri Melaka.	1
(iii)	Dua nilai murni:	
	Nilai kepatuhan- Contohnya, pembesar, Pawang raja dan semua tukang patuh pada perintah raja dan menjalankan tugas mereka masing-masing.	1+1
	Nilai kerajinan/ kegigihan- Contohnya, 44 orang tukang dan utas yang gigih dan rajin melakukan kerja-kerja membina istana raja.	1+1
	Nilai kerjasama- Contohnya- 44 orang tukang dan utas bekerjasama untuk menyiapkan istana selama tujuh bulan dan tujuh purnama sehingga siap.	1+1
	Nilai kesetiaan - Contohnya, semua rakyat setia pada raja sehingga sanggup melaksanakan perintah raja tanpa membantah dan bekerja siang dan malam tanpa henti.	1+1

Soalan 3 :

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b): 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d): 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

- i. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
- ii. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
- iii. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
- iv. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
- v. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
- vi. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
- vii. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
- viii. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
- ix. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

(i)	Pihak sekolah diseru untuk melipatgandakan usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar mereka.
(ii)	Semua penduduk Kampung Taginambur diingatkan supaya tidak membincangkan perkara yang dapat mengucar-ngacirkan ketenteraman kampung dalam mesyuarat itu.
(iii)	Kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang jalan raya untuk mengurangkan kemalangan yang sering berlaku.
(iv)	Guru kaunseling sedang mengemaskinikan maklumat pelajar yang akan mengikuti kem motivasi pada minggu depan.
(v)	Guru Bahasa Melayu menasihati pelajarannya supaya tidak mencampuradukkan bahasa Melayu dengan Bahasa Inggeris.
(vi)	Pihak pennaaja menggunakan van bergerak untuk menguar-uarkan konsert yang akan diadakan pada malam itu.

Soalan 3(b) - Ayat aktif kepada ayat pasif		
(i)	Pasu-pasu bunga itu akan saya alihkan ke halaman rumah esok	1
(ii)	Keunikan budaya rakyat Malaysia dikagumi oleh pelancong dari luar negara.	1
(iii)	Aktiviti gotong-royong membersihkan surau disertai oleh Landoi secara sukarela.	1
		[6 markah]

Soalan 3(c) - Kesalahan ejaan dan imbuhan		
(i)	diklamasi - deklamasi disertai - penyertaan	2
(ii)	was-was - waswas menyukar - menyukarkan	2
(iii)	sinareo - senario kemasukkan - kemasukan	2
		[6 markah]

Soalan 3(d) - Kesalahan istilah/kata dan tatabahasa		
(i)	menyulam - menganyam daripada - dari	2
(ii)	pembebasan -pelepasan/pengecualian/pengurangan demi untuk - untuk/demi/supaya/agar	2
(iii)	menyimpan - menyembunyikan/menyorokkan/merahsikan yang - bahawa	2
		[6 markah]

Soalan 3(e) - Peribahasa		
(i)	Ikut hati mati,ikut rasa binasa	
(ii)	Berfikirsebelum berkata,berunding sebelum berbuat	
(iii)	Kalua kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga	
		[6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

- i. Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii. Beri 1 **markah** bagi setiap peristiwa yang menggambarkan konflik.
- iv. Berikan 1 **markah** bagi tindakan watak selesaikan konflik.
 - v. Markah isi, maksimum 4 markah
 - vi. Markah bahasa, maksimum 3 markah
 - vii. Markah bahasa diberi secara impression

Baik - 3 markah

Sederhana - 2 markah

Lemah - 1 markah

(h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa

(i) Calon yang tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

(a) Persoalan kasih sayang.

Di Sebalik Dinara

1. Kasih sayang ibu terhadap anak - Marylin/Medina berasa susah hati apabila anaknya, Farisha diculik oleh Amin dan Farid. Apabilapenculik membawa Farisha untuk bertemu dengannya, Marylin/Medina mendekati Farisha dan mengatakan bahawa dia amat menyayangi Farisha.
2. Kasih sayang anak terhadap ibu bapa - Walaupun baru mengetahui bahawa Karl dan Medina ialah ibu bapa kandungnya, Farisha menunjukkan kasih sayangnya dengan memujuk ibunya dan menangis ketika ayahnya meninggal dunia.
3. Kasih sayang abang terhadap adik - Azraai amat sayings akan Farisha dan menganggap Farisha seperti adik kandungnya sendiri walaupun Farisha hanya anak angkat yang dipelihara oleh keluarganya.

Silir Daksina

1. Kasih sayang bapa terhadap anak - Abdullah bin Kayan terlalu sayang akan anaknya, Haiqal yang terpaksa berpisah dengannya akibat perceraian. Abdullah Kayan menghasilkan manuskrip cerita tentang perasaan rindunya kepada anaknya.
2. Kasih sayang anak terhadap bapa -Haiqal berasa sebak sewaktu menziarahi kubur arwah bapanya kerana perasaan sayangnya terhadap arwah ayahnya.
3. Kasih sayang ibu terhadap anak -Umi tidak mahu Haiqal menjadi penulis seperti arwah ayahnya kerana berpendapat bahawa kehidupan seorang penulis tidak menjanjikan kebahagiaan dan hidup dengan bayang-bayang

(b)

- i. Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- ii. Jawpan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii. Beri **1 markah pernyataan pengajaran kerjasama** dikemukakan bagi setiap novel
- iv. Beri **2 markah untuk setiap huraian/contoh** yang lengkap/jelas bagi setiap novel
- v. Markah isi, maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap persoalan)
- vi. Markah bahasa, maksimum 2 markah.
- vii. Markah bahasa diberi secara impression

Baik - 2 markah

Lemah - 1 markah

Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa

Calon yang tidak menjawab 0 markah

[Maksimum: 8 markah]

Skema

Di Sebalik Dinara

1. **Kita hendaklah bekerjasama melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan.**

Contoh - Farisha dan Rosman yang bekerja di syarikat yang sama sering bekerjasama dan berbincang untuk membuat keputusan.

Contoh - Shida dan Farisha saling bekerjasama untuk mengesan dan mencari maklumat yang penting semasa melaksanakan tugas di Soft Lab

Silir Daksina

- 1. Kita hendaklah bekerjasama melaksanakan sesuatu program untuk kebaikan bersama.**

Contoh - Penduduk kampung Seri Purnama sentiasa bekerjasama untuk menjayakan setiap aktiviti dan cara yang dijalankan di kampung tersebut. Contohnya, mereka bergotong-royong untuk menjayakan persembahan zapin D'Purnama.

Contoh - Penduduk kampung bergotong-royong menjayakan majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat mukim.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT